

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelbagai subsidi serta jumlah yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat setiap tahun bermula daripada tahun 1965 hingga sekarang dan sampai bilakah Kerajaan dapat melaksanakan subsidi tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan maklumat subsidi sedia ada hanya bermula dari tahun 1974, berikut adalah jumlah subsidi yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan sejak tahun 1974 sehingga tahun 2013:

| Tahun | Jumlah Subsidi (RM juta) | % Jumlah Perbelanjaan Mengurus |
|-------|-----------------------------|--------------------------------|
| 1974 | 25 | 0.6 |
| 1980 | 713 | 6.9 |
| 1985 | 302 | 1.6 |
| 1990 | 494 | 2.0 |
| 1995 | 612 | 1.7 |
| 2000 | 4,824 | 8.5 |
| 2005 | 13,387 | 13.7 |
| 2010 | 23,106 | 15.2 |
| 2013 | 43,349 | 20.5 |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 bantuan kerajaan telah diberikan dalam bentuk subsidi sejumlah RM32.5 bilion, insentif sejumlah RM878 juta dan program bantuan sosial sejumlah RM9.9 bilion. Ini termasuklah subsidi bahan api, gula, minyak masak, insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta bantuan pendidikan dan

program kebijakan masyarakat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Secara amnya, kenaikan jumlah perbelanjaan subsidi adalah disebabkan peningkatan harga minyak mentah dunia dan peningkatan jumlah kenderaan memandangkan bahagian subsidi bahan api merupakan 63.1% kepada jumlah keseluruhan subsidi. Sekiranya dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan pembangunan jumlah perbelanjaan subsidi sebanyak RM43.3 bilion pada tahun 2013 buat pertama kalinya telah melebihi jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak RM42.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana kita semua sedia maklum, jumlah subsidi bahan api yang semakin meningkat menyumbang kepada peningkatan jumlah perbelanjaan Kerajaan dan menyebabkan berlakunya herotan pasaran. Jumlah ini tidak dapat ditampung dalam jangka masa panjang. Peruntukan perbelanjaan ini pada hakikatnya tidak menyumbang kepada pembentukan modal dan oleh itu, tidak meningkatkan potensi keluaran negara pada jangka masa sederhana dan panjang.

Kerajaan telahpun sekian lama menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk merasionalisasi subsidi bagi memastikan kemampanan kedudukan fiskal jangka panjang. Langkah rasionalisasi subsidi telahpun mula dilaksanakan sejak September 2013 dan juga pada 2 Oktober 2014 yang lalu. Langkah ini dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan ia tidak begitu membebankan rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Selain itu, Kerajaan juga kini sedang mengkaji beberapa kaedah untuk mewujudkan sistem pemberian subsidi bersasar supaya subsidi petrol RON95 dan diesel dinikmati oleh golongan sasar.

Sekian, terima kasih.